



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

AGIHAN BAKUL MAKANAN KENDURI RAKYAT HARI WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SHWP 2021

KUALA LUMPUR, 1 Februari 2021 – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), hari ini, mengagihkan Bakul Makanan Kenduri Rakyat Hari Wilayah Persekutuan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2021 dalam usaha memperkuatkan program kebijakan warga Wilayah Persekutuan. Ia juga merupakan salah satu usaha Kementerian yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kebijakan rakyat melalui Inisiatif Wilayah Prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebijakan dan kelangsungan hidup warganya.

Selaras dengan tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini iaitu ‘Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin’ program-program yang dianjurkan Kementerian bersifat keprihatinan kepada warga Wilayah Persekutuan terutamanya kepada golongan miskin bandar dan mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Sebanyak 13,000 bakul makanan diberikan dengan 1,000 unit kepada setiap Parlimen di Wilayah Persekutuan melibatkan peruntukan sejumlah RM750,000.00. Bakul makanan ini diberikan secara *one-off* kepada golongan miskin bandar dan B40 meliputi 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Bakul makanan berisi barang keperluan asas diagihkan secara terus ke kediaman golongan sasar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP).

Program Kenduri Rakyat yang dilaksanakan pada setiap kali SHWP merupakan salah satu daripada *signature* program Hari Wilayah Persekutuan pada setiap tahun. Tetapi pada tahun ini, kita semua sedang bertarung memutuskan rangkaian COVID-19 yang tidak membentarkan pelaksanaan program-program di lapangan. Oleh itu, KWP menggunakan kaedah baharu dengan mengagihkan bakul makanan dan beras (MyBeras) kepada

golongan sasar dengan mematuhi SOP yang ditetapkan Kerajaan dalam suasana norma baharu.,

Meskipun dalam norma baharu, penganjuran program-program SHWP 2021 tetap berlangsung dan dilaksanakan secara maya (*virtual*) melalui konsep pelaksanaan yang berbeza, namun kemeriahannya dapat dirasai dan matlamat sambutan Hari Wilayah Persekutuan tercapai. Antara program-program lain yang turut diadakan termasuk Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, Wilayah Persekutuan Bermunajat, Pameran Digital Wilayah Persekutuan, Program CSR Hari Wilayah Persekutuan, Pencahayaan Wilayah Persekutuan, Khutbah Jumaat Khas Hari Wilayah Persekutuan, ROL *Virtual Bike and Run*, Pertandingan Fotografi Jelajah Labuan, *Virtual Musical Wilayah Prihatin*.

Pencahayaan Wilayah Persekutuan merupakan salah satu program baharu pada tahun ini dengan tujuannya untuk menggalakkan orang ramai dan semua pemilik bangunan untuk menyalakan lampu secara *festive mood* di waktu malam supaya Wilayah Persekutuan sentiasa *vibrant* di sepanjang bulan Februari ini. Melalui cara ini dapat menarik perhatian dan minat semua rakyat untuk bersama-sama keluarga duduk di rumah masing-masing dalam suasana yang meriah serta ceria yang sekaligus dapat mematuhi arahan PKP di Wilayah Persekutuan.

Setiap warga Wilayah Persekutuan juga di seru untuk bersama-sama meraikan sambutan ini secara kreatif dan berkongsi gambar serta video menerusi media sosial dengan meletakkan tanda pagar #WilayahPersekutuanWilayahPrihatin dan #kibarbenderaWP. Walaupun tiada acara di lapangan seperti tahun-tahun sebelum ini, ia tidak bermakna warga Wilayah Persekutuan tidak boleh menghidupkan semangat sambutan secara bersama.

Menerusi program-program Hari Wilayah Pesekutua tahun ini, ia mencerminkan solidariti dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang muhibbah, integrasi antara kaum serta berkasih sayang (*sense of belonging*) terhadap Wilayah Persekutuan.

Diharapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti berbentuk keprihatinan dan kebajikan ini akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan dalam usaha memupuk dan membudayakan penghayatan terhadap sifat keprihatinan dan kecaknaan terhadap warga kota Wilayah Persekutuan.

**Tan Sri TPr. Annuar Musa
Menteri Wilayah Persekutuan**